

JUMAAT, 9 OKTOBER 2020

**HEBAHAN SUSULAN BERKAITAN KEMASUKAN PELAJAR  
KAMPUS KEJURUTERAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

Merujuk kepada hebahan rasmi daripada Universiti Sains Malaysia yang bertarikh 7 OKTOBER 2020, berkaitan kemasukan pelajar USM, berikut adalah hebahan susulan yang disesuaikan untuk kemasukan pelajar ke **Kampus Kejuruteraan**. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah:

**Memorandum**

**Kampus Kejuruteraan**  
(Engineering Campus)  
**Universiti Sains Malaysia**  
Seri Ampangan  
14300 Nibong Tebal  
Pulau Pinang, Malaysia  
Tel: 604-599 5011 / 5003 / 5005  
Faks: 604-5941001  
Laman: www.eng.usm.my

**1. KEMASUKAN PELAJAR PASCA-SISWAZAH KE KAMPUS**

- Semua pelajar pasca-siswazah (tempatan atau antarabangsa) yang berada dalam negara dibenarkan akses keluar-masuk ke kampus atas urusan pembelajaran dan penyelidikan **DENGAN SYARAT**:
  - ✓ Mempunyai kelulusan khas Dekan Pusat Pengajian (**Borang A**, boleh didapati di pautan [http://bit.ly/Borang\\_A](http://bit.ly/Borang_A)). Bagi pelajar sedia ada di kampus yang telahpun mendapat kebenaran bagi memasuki kampus pada sidang yang lalu, perlu mendapatkan kebenaran baharu untuk Semester 1 Sidang Akademik 2020/2021.
  - ✓ Menetapkan tarikh untuk memasuki kampus dan mengisi "BORANG DEKLARASI SARINGAN RISIKO COVID-19" dalam talian (*CampusOnline*) **tiga hari sebelum** tarikh pulang ke kampus.
  - ✓ Hadir dan terus ke **Unit Kesihatan** Kampus Kejuruteraan semasa **waktu pejabat** untuk saringan COVID-19 pada hari pertama memasuki kampus.
  - ✓ Mematuhi Standard Operasi Prosedur (SOP) Universiti dalam membendung penularan COVID-19 (PTJ juga diminta memastikan semua kemudahan mematuhi Garis Panduan Operasi Makmal Pasca PKP COVID-19 yang telah dikeluarkan oleh Bahagian Penyelidikan dan Inovasi).
  - ✓ **BUKAN** dari **ZON MERAH** (dengan merujuk kepada carta info terkini *Crisis Preparedness and Response Centre-CPRC*, Kementerian Kesihatan Malaysia).
  - ✓ Pelajar dari **ZON KUNING** yang mempunyai kes melebihi daripada 20 kes aktif akan dihantar ke kampus induk untuk menjalani kuarantin selama 14 hari.



## 2. KEMASUKAN PELAJAR IJAZAH PERTAMA KE KAMPUS

- Semua pelajar ijazah pertama **TIDAK DIGALAKKAN** untuk pulang ke kampus sehingga tamat cuti pertengahan semester iaitu pada **7 DISEMBER 2020** (Tertakluk kepada perkembangan semasa kes COVID-19) kecuali bagi kes-kes seperti berikut:

Pelajar tahun akhir yang perlu menyiapkan projek tahun akhir (FYP) dalam semester 1, atau keperluan mendesak yang lain	<b>24 ATAU 25 OKTOBER 2020 (SABTU ATAU AHAD) 8:00 PAGI HINGGA 1:00 PETANG</b>
Pelajar (kumpulan B40 dan B10) yang berkeperluan khas/mempunyai masalah capaian internet yang terhad untuk pembelajaran dalam talian.	<b>31 OKTOBER 2020 (SABTU) 8:00 PAGI HINGGA 1:00 PETANG</b>
Pelajar yang diminta masuk ke kampus oleh pusat pengajian.	

- Kemasukan pelajar yang seperti dalam jadual di atas ke dalam kampus **HANYA DIBENARKAN DENGAN SYARAT:**
  - ✓ Mendapat kelulusan Dekan (Melalui **Borang Kebenaran Khas - Borang A**, boleh didapati di pautan [http://bit.ly/Borang\\_A](http://bit.ly/Borang_A)).
  - ✓ Menetapkan tarikh untuk memasuki kampus dan mengisi "BORANG DEKLARASI SARINGAN RISIKO COVID-19" dalam talian **tiga hari sebelum** tarikh pulang ke kampus.
  - ✓ Hadir dan terus ke **Unit Kesihatan**, Kampus Kejuruteraan dalam **waktu pejabat** untuk saringan COVID-19.
  - ✓ Pelajar dari **ZON MERAH** tidak dibenarkan pulang ke kampus. (Rujuk hebahan rasmi dan carta info terkini dari Crisis Preparedness and Response Centre-CPRC, Kementerian Kesihatan Malaysia).
  - ✓ Pelajar dari **ZON KUNING** yang mempunyai kes melebihi daripada 20 kes aktif akan dihantar ke kampus induk untuk menjalani kuarantin selama 14 hari.
- Aliran kemasukan pelajar pada 24 dan 25 OKTOBER 2020 adalah seperti berikut:
  - ✓ Pelajar hanya dibenarkan memasuki kampus melalui **pintu utama**.
  - ✓ Seterusnya, pelajar dikehendaki ke kaunter pandu lalu saringan bertempat di **Foyer Dewan Utama** dengan membawa cetakan "BORANG DEKLARASI SARINGAN RISIKO COVID-19" daripada *CampusOnline*.
  - ✓ Selesai saringan, pelajar akan terus ke desasiswa untuk mengambil kunci bilik.
  - ✓ Bagi yang membawa kenderaan, pelajar dikehendaki untuk terus parkir kenderaan anda di blok masing-masing dan datang mengambil kunci di kaunter kunci di Kafe Lembaran.
  - ✓ Sekiranya pelajar datang ke kampus bersama ahli keluarga, mereka tidak dibenarkan memasuki blok desasiswa dan meninggalkan kampus sejeurus selepas menurunkan pelajar dan barang-barang.
  - ✓ Untuk pelajar yang mendapat penginapan di Desasiswa Utama, anda juga dikehendaki untuk melalui proses saringan di kaunter pandu lalu saringan bertempat di Foyer Dewan Utama. Pelajar hanya akan dibenarkan untuk mengambil kunci bilik di pejabat Desasiswa Utama selepas pelajar tersebut selesai proses saringan ini.



### 3. WAKTU OPERASI PINTU MASUK KAMPUS KEJURUTERAAN USM

- Pelajar Kampus Kejuruteraan **wajib** mengimbas Kod QR di setiap pintu masuk bagi tujuan rekod pergerakan keluar dan masuk ke kampus.
- Pergerakan keluar masuk ke kampus dihadkan sehingga **jam 12:00 TENGAH MALAM setiap hari**.
- Waktu operasi pintu masuk Kampus Kejuruteraan adalah seperti berikut:

Pintu 1 (Pintu Utama)	6:00 PAGI – 12:00 TENGAH MALAM
Pintu 2 (Ampang Jajar)	DITUTUP
Pintu 3 (Taman Ilmu)	7:00 PAGI – 7:00 PETANG
Pintu 4 (Masjid Putih)	7:30 PAGI – 9:30 PAGI 12:30 PAGI – 2:30 PETANG 5:00 PETANG – 10:00 MALAM

### 4. KEPULANGAN PELAJAR KE KEDIAMAN KELUARGA/LOKASI LAIN

- Selepas pendaftaran kemasukan, sekiranya pelajar ingin pulang ke kediaman keluarga atau keluar jauh dari kawasan kampus, anda **wajib** mengisi Borang “Permohonan Pelajar Untuk Kembali Ke Kediaman Keluarga/Saudara/Lokasi Tujuan Selepas Pendaftaran Kemasukan”.
- Borang ini boleh didapati di pautan [http://bit.ly/Borang\\_Keluar](http://bit.ly/Borang_Keluar)
- Sekiranya pelajar telah pulang ke kediaman keluarga, pelajar perlu melalui semula prosedur yang tersenarai dalam **Perkara 1 atau 2** di atas.

Pelajar perlu sentiasa peka kepada pengumuman dari universiti dan pusat pengajian masing-masing.

**Sekiranya mengambil keputusan untuk kembali ke kampus, pelajar adalah tertakluk kepada sebarang keputusan semasa pihak Universiti.** Jika sekiranya Universiti mengambil langkah menghadkan akses keluar-masuk (kawalan pergerakan keluar-masuk kampus), pelajar perlu mematuhiya bagi menyokong usaha Universiti mengawal risiko dan memastikan kampus bebas dari sebarang kes-kes berkaitan COVID-19.

Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) ini, semua pelajar digesa supaya sentiasa mengamalkan kawalan sendiri termasuk penjarakan fizikal, memakai pelitup muka, kerap mencuci tangan dengan air dan sabun atau hand sanitizer di samping penjagaan kesihatan bagi mengelakkan diri dari dijangkiti penyakit. Sekiranya mengalami gejala COVID-19, pelajar hendaklah segera mendapatkan rawatan dari fasiliti kesihatan yang berdekatan. Rawatan awal dapat mengurangkan risiko penyakit menjadi lebih kritikal.

**\*\* Prosedur di atas akan berkuatkuasa pada 12 OKTOBER 2020 (ISNIN) dan tertakluk kepada perkembangan semasa.**

Sebarang pertanyaan lanjut boleh disalurkan kepada [covid.eng@usm.my](mailto:covid.eng@usm.my) atau menghubungi talian hotline Bilik Gerakan USM Kampus Kejuruteraan (04-5995530/5531/5532/5533)

Kampus Kejuruteraan  
Universiti Sains Malaysia

